

Pelajar Kejuruteraan Awam UMS sahut seruan jaga alam sekitar

UB 23/11/2011 AF

KOTA KINABALU: Pemeliharaan dan pemuliharaan adalah penting untuk memelihara alam semulajadi yang bakal diwarisi generasi akan datang.

Menyedari kepentingan memelihara alam semulajadi, sekumpulan 10 pelajar tahun empat Kejuruteraan Awam dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan aktiviti komuniti yang bertemakan Program Pemuliharaan Alam Sekitar (*Environmental Conservation Programme, E-CoP*) Antara aktiviti yang dijalankan termasuk ceramah yang disampaikan oleh Pegawai Kawalan Alam Sekitar dari Jabatan Alam Sekitar Sabah (JAS), Jikula Mongijal.

Dalam ceramahnya, Jikula membangkitkan isu penggunaan bahan plastik di kalangan orang awam. Katanya, penggunaan plastik akan menyebabkan masalah-masalah sistem perparitan seperti longkang tersumbat yang seterusnya akan menyebabkan banjir kilat.

Selain itu, katanya hidupan akan turut terancam akibat

daripada pencemaran pembuangan plastik yang tidak terkawal.

“Mengikut kajian yang dilakukan, haiwan seperti penyu turut menjadi mangsa kerana ia akan menganggap plastik yang dibuang ke dalam laut sebagai obor-obor iaitu makanannya,” kata Jikula.

Beliau menyarankan murid-murid yang hadir agar dapat mengurangkan penggunaan barangan plastik yang bukan sahaja akan menyebabkan masalah kesihatan tetapi juga menyumbang kepada pencemaran alam sekitar.

Seramai 30 orang murid Tahun Enam serta beberapa orang guru turut menyertai program ini. Sementara itu, Guru Besar SK Our Lady of Fatima, Paumin@Benjamin Sakim berterima kasih kepada kumpulan pelajar UMS yang diketuai Fiona P. Benjamin kerana memilih sekolah itu untuk menganjurkan aktiviti komuniti khususnya yang berkaitan dengan pemeliharaan alam sekitar.



BERSEMANGAT ... Sebahagian pelajar UMS yang menyertai acara menanam pokok di SK Our Lady of Fatima, Papar, baru-baru ini.

“Saya berharap agar aktiviti seperti ini dapat dijalankan lagi di masa akan datang di mana ia dapat disertai oleh semua murid beserta para ibu bapa,” katanya.

Fiona yang mewakili pelajar UMS turut menyatakan ribuan terima kasih kepada pihak JAS serta sekolah atas kerjasama yang diberikan, serta kepada Datuk Peter

Anthony dan John Teo Mau Sing atas sumbangan mereka dalam menjayakan program itu.

Turut diadakan sempena majlis perasmian program komuniti itu termasuklah acara menanam anak pokok yang telah disumbangkan oleh pihak Jabatan Pertanian Papar, serta aktiviti gotong-royong yang melibatkan semua yang hadir.

Selain Fiona, mahasiswa/mahasiswi tahun akhir dari program Kejuruteraan Awam, UMS yang terlibat dalam menjayakan program komuniti itu Caroline Kisel, Caroline Peter, Dafri David, Fauziah Halim, Heryanti Ag. Omar, Holly Leslie John, Rachel Yahumin, Siti Maslina Abd. Rahman dan Sylvester P. Andong.